

IDRIS NAFI K'JAAN TIDAK PEKA KEPERLUAN PELAJAR PHD

20 March 2016

- The Borneo Post Online



BERSEMANGAT: Idris (empat kanan) bersama yang lain melakukan 'tagline' 'Soaring Upwards' selepas perasmian Program Pascabanjir Kenyalang Mission (PBKM) sempena Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi Negara di Kuching semalam.

Kementerian beri 20,000 biasiswa di bawah MyBrain15 untuk pelajar laksana dua program tahun ini

Oleh Agnes Tugong

KUCHING: Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh menafikan kerajaan tidak peka dengan keperluan pelajar melaksanakan program ijazah sarjana dan doktor falsafah (PhD) dalam negara.

Jelas Idris, kementerianya memberikan sebanyak 20,000 biasiswa di bawah program MyBrain15 untuk pelajar melaksana dua program tahun ini.

Daripada jumlah itu, seramai 9,010 pelajar tmendapat biasiswa menerusi tambahan peruntukan sebanyak RM300 juta selepas pengubahsuaian bajet baru-baru ini.

“Ada pelajar mengatakan kerajaan tidak peka dengan keperluan mereka bagi melaksanakan program ijazah sarjana dan PhD dalam negara.

“Sebab itulah kita, kerajaan telah memberi dan mengeluarkan 9,010 biasiswa kepada mereka untuk mereka mengadakan program ijazah sarjana dan PhD,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas pembentangan ‘Soaring Upwards’ sempena Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi Negara di salah sebuah hotel di sini semalam.

Idris dalam kenyataan sebelum ini berkata, daripada jumlah 20,000 itu, sebanyak 15,000 biasiswa diperuntuk bagi program MyMaster manakala baki 5,000 untuk program MyPhD.

Terdahulu dalam pembentangannya, Idris berkata istilah ‘Soaring Upwards’ atau Peningkatan Berterusan merupakan ‘tagline’ Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

‘Soaring Upwards’ diguna untuk menggambarkan landskap pendidikan tinggi negara yang bertambah baik dan pada masa yang sama mengiktiraf bahawa usaha yang berterusan diperlukan untuk melonjak pendidikan tinggi negara ke tahap yang berterusan.

“Walaupun berdepan pelbagai cabaran namun kementerian berjanji akan memastikan rakyat mendapat sistem pendidikan yang terbaik dalam negara,”katanya.

Lima universiti awam negara iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia tersenarai dalam kedudukan terbaik dunia.

Manakala segi penerbitan dan penyelidikan, Malaysia mengatasi Thailand dan Singapura bagi penerbitan kertas kerja penyelidikan dan tertinggi di dunia.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Mary Yap, Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Dato Dr Mohamad Kadim Suadi, Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak, Prof Datuk Dr Jamil Hamali serta lain-lain.